

RM1b pulih 3 sungai di Johor

BH. 5/2

Kos ambil kira aspek pemulihan, pencegahan, penyediaan sistem pembetungan: JPS

Oleh Azrul Affandi Sobry

KUALA LUMPUR: Tiga sungai yang dikategorikan teruk tercemar di Johor memerlukan hampir RM1 bilion untuk dipulihkan, termasuk RM700 juta khusus bagi menyediakan kos pembetungannya, kata Ketua Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Datuk Keizrul Abdullah.

Kataya, tiga sungai berkenaan ia itu Sungai Sengget, Sungai Skudai dan Sungai Tebrau yang dikategorikan dalam kelas empat dan lima sebagai sungai yang teruk tercemar dan hampir mati.

“Kos sebanyak itu mengambil kira aspek pemulihan, pencegahan serta penyediaan sistem pembetungan

yang menelan belanja lebih besar bagi memastikan pencemaran tidak terus berlaku,” katanya ketika dihubungi, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan 16 sungai di negara ini kebanyakannya di Pulau Pinang, Selangor dan Johor termasuk dalam kategori sungai tercemar teruk serta memerlukan hampir RM400 juta setiap sungai bagi memulih serta mencegah pencemaran daripada terus berlaku.

Antara sungai terbabit ialah Sungai Pinang dan Sungai Juru di Pulau Pinang serta Sungai Sepang dan Sungai Kelang, di Selangor.

Keizrul berkata, proses mencegah pencemaran sungai membabitkan pelbagai kaedah berbeza berdasarkan punca pencemaran dengan mengam-

bil kira warna air sungai terbabit.

“Sekiranya air sungai berwarna seperti kopi susu, pencemaran disebabkan oleh hakisan tanah yang kebanyakannya berpunca daripada projek pembangunan di sekitar kawasan sungai dan pencegahannya ialah dengan melaksanakan pelan kawalan hakisan serta kelodak.

“Sehubungan itu, semua pemaju dikehendaki menyediakan pelan terbabit sebelum projek pembinaan mereka diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT),” katanya.

Katanya, bagi air sungai berwarna hitam serta berbau busuk, ia berpunca daripada bahan organik dan pencegahannya memerlukan penggunaan kaedah bioteknologi, iaitu menggunakan bakteria tertentu untuk me-

FAKTA NOMBOR

Sungai tercemar

16

Di seluruh negara

RM700j

Kos pembetungan tiga sungai di Johor

nyingkirkan bahan organik itu.

“Air sungai berwarna merah pula berpunca daripada bahan buangan dari pasar dan kedai makan serta kadangkala mengakibatkan air sungai menjadi berminyak.

“Oleh itu, sistem perangkap makanan dan minyak perlu disediakan pengendali kedai makan bagi mengelakkan sungai berhampiran mereka tercemar,” katanya.

Mengenai kenyataan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bahawa beliau sakit hati melihat kotoran dan pencemaran sungai, Keizrul berkata, teguran Perdana Menteri itu menunjukkan keprihatinan pimpinan tertinggi negara untuk melihat sungai di negara ini bersih seperti di kawasan hulu sungai.